

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 91 )  
Tarikh: 29 November 2013.

## **KENYATAAN AKHBAR.**

### **FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA MBPJ membawakan konsep gaya hidup lestari dan kehidupan hijau kepada penduduk Petaling Jaya .**

**25 November 2013, Petaling Jaya** – Kemajuan yang dikecapi oleh tamadun dunia kini turut mengundang kesan lain yang perlu ditangani. Pembangunan fizikal seperti taman industri, kompleks membeli belah dan bangunan pencakar langit tidak membawa makna apabila pembangunan yang dibawa tidak berjaya membina sistem kekeluarga, moral dan institusi di kalangan penduduk bandar. Bandar yang berjiwa adalah satu hospitaliti dan bukannya industri. Ianya adalah suatu cara hidup dan suatu sistem yang sentiasa terbuka.

Menyedari hakikat ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil keputusan untuk merancang pembangunan Bandaraya Petaling Jaya sebagai suatu bandar yang berdaya huni, dicintai dan berjiwa.

“MBPJ bersifat proaktif dalam menggalakkan gaya hidup lestari dan kehidupan hijau melalui penganjuran Festival Antarabangsa Petaling Jaya. Perancangan pembangunan kami difokuskan kepada usaha mewujudkan ruang awam berfungsi bagi mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni bandar,” kata Datin Paduka Alinah Ahmad selaku Datuk Bandar Petaling Jaya.

“MBPJ menginginkan supaya penghuni bandar dapat bekerja, bermain dan tinggal di kawasan bandar raya ini dengan semangat, rasa nikmat dan sepenuh hati.”

Festival Antarabangsa Petaling Jaya: Gaya Hidup Lestari dan Kehidupan Hijau yang bakal berlangsung pada 21 dan 22 Disember 2013 di Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya mulai 8.00 pagi hingga 12.00 malam ini dianjurkan ke arah membangunkan Bandaraya Petaling Jaya sebagai *City With Soul*.

Program ini merupakan salah satu aktiviti yang memberi keutamaan kepada kehijauan bandar dan gaya hidup lestari yang dicadangkan oleh penduduk Petaling Jaya semasa penyediaan Pelan Strategik, ‘Sustainable PJ 2030’.

Kata Datin Paduka Alinah lagi, “Kehidupan mampan yang kami wawarkan ini akan dijalankan secara berterusan. Pelbagai program telah kami jalankan seperti Skim Rebat Cukai Taksiran, Insentif Meletak Kereta secara percuma selama tiga bulan bagi pembeli kereta hibrid di Petaling Jaya dan aktiviti-aktiviti lain yang mesra alam.”

Beliau menerangkan bahawa langkah-langkah yang diambil bukanlah berdasarkan kemahuan tetapi satu keperluan, lebih-lebih lagi apabila dunia mengalami kesan kemajuan seperti perubahan cuaca, kesan karbon dan lain-lain lagi.

Festival Antarabangsa Petaling Jaya (*PJ International Fair*) yang berkonsepkan karnival jalanan (*street carnival*) akan dianjurkan dengan tema Kehidupan Hijau (*green living*), bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai inisiatif yang diambil oleh Majlis ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar raya Hijau, Berdaya huni dan Lestari.

Majlis juga dapat berkongsi amalan terbaik (*best practices*) dan inovasi hijau bersama komuniti dari luar negara untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan mesra alam. Sebanyak 41 acara yang bakal berlangsung untuk menjayakan festival ini seperti perarakan, pameran & jualan kereta hibrid, elektrik & solar, persembahan akustik hijau, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH), taman pintar, *PJ Getaway*, *Bicycle Fun Ride* dan lain-lain.

Program /aktiviti ini dibahagikan kepada 5 segmen iaitu:-

- i. Eko-mobiliti (*Eco-Mobility*)
- ii. Komuniti Lestari (*Sustainable Community*)
- iii. Taman Pintar (*Smart Garden*)
- iv. Gaya Hidup Sihat (*Healthy Lifestyle*)
- v. Budaya dan Kesenian Hijau (*Green Arts & Culture*)

Program ini mampu menceria dan menghidupkan Pusat Bandar Seksyen 52 yang boleh menggalakkan penggunaan ruang untuk interaksi sosial di antara komuniti. Penglibatan orangramai adalah amat dialu-alukan untuk bersama-sama menyertai dan memeriahkan festival ini.

Penerusan program yang dijalankan secara mingguan dan bulanan, seperti penutupan sebahagian Jalan Yong Shook Lin untuk aktiviti berbasikal dan senamrobik, bazar barangan organik, pawagam terbuka (*open cinema*), sudut artis (*artist corner*), muzik jalanan (*busking*) dan *speakers corner* akan membantu meningkatkan ekonomi peniaga peniaga sekitar dan seterusnya menjadi pusat tumpuan pelancong.

Selain daripada itu, semua aktiviti sosial, belia, remaja, kebudayaan dan kesenian akan diselaraskan bersama dengan aktiviti *PJ International Fair* dan *PJ Walk* bagi menyediakan Pelan Tindakan bersepadu supaya ianya lebih tersusun dan merangkumi kesemua kawasan di Petaling Jaya serta meliputi kesemua aspek seperti interaksi sosial, beriadah, bersukan dan berekreasi dalam usaha Majlis menjadikan Petaling Jaya Bandar Raya berjiwa.

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))